

**MOTIVASI SUKARELAWAN PELANCONG:
SUKARELAWAN RALEIGH INTERNATIONAL**

ZATUL IFFAH MOHD FUZA

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah Sarjana Sains Pelancongan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI, 2008

ABSTRAK

Tesis ini bertujuan untuk mengkaji Motivasi Sukarelawan Pelancong yang mana kajian kes adalah Sukarelawan Raleigh International. Ekspedisi Raleigh International terbuka kepada sukarelawan pelancong yang berumur antara 17 hingga 25 tahun yang kebanyakannya berasal dari UK dan negara-negara lain. Melalui penglibatan dalam ekspedisi, sukarelawan pelancong ini akan memberi sumbangan untuk jangka masa panjang terhadap alam sekitar, dan komuniti projek seperti akan melihat mereka membuat kerja-kerja pemuliharaan, tinggal bersama komuniti tempatan yang jauh terpencil di luar bandar disamping membina sistem graviti bekalan air. Raleigh International bergantung kepada aktiviti mengumpul dana dan disyaratkan semua sukarelawan pelancong untuk memberi sumbangan dalam kerja kebajikan.

Objektif kajian ini adalah untuk menjalankan analisis kaji selidik bagi motivasi utama sukarelawan pelancong, untuk mengukur kepuasan sukarelawan dalam ekspedisi Raleigh International, dan untuk mengkaji kesan kepada komuniti tempatan akibat daripada aktiviti sukarelawan pelancong. Hasil kajian mendapati lima motivasi utama pelancong daripada 14 motivasi yang disenaraikan dalam soalan kaji selidik adalah “untuk menyumbang sesuatu yang baik”(19.5%), diikuti dengan “untuk belajar sesuatu yang baru”(18.5%), “untuk membuat sesuatu yang berbeza daripada rutin harian” (15.9%), “bersosial dengan komuniti”(15.2%) dan “untuk keseronokkan”(9.1%). Daripada kajian, min yang paling tinggi bagi tahap kepuasan sukarelawan adalah “pengalaman keseluruhan” dan “latihan orientasi”. Seterusnya diikuti dengan “organisasi pengurusan”, “kerjasama dengan ahli kumpulan” dan “pencapaian peribadi”. Hasil temubual dengan komuniti tempatan di Kampung Paus dan Kampung Miruru, hanya terdapat kesan positif akibat daripada aktiviti sukarelawan Raleigh International, iaitu “meningkatkan fasiliti”, “memperkenalkan kampung mereka kepada orang luar” dan “meningkatkan pendapatan mereka dengan aktiviti pelancongan”. Secara keseluruhannya, penemuan ini dapat memberi sokongan kepada kerajaan dan organisasi lain secara umumnya ke arah pembangunan pelancongan mampan, membantu meningkatkan kedatangan pelancong ke Malaysia dan pada masa yang sama mengurangkan kesan negatif yang disebabkan oleh aktiviti pelancongan.

ABSTRACT

This research entails investigation of the Motivational of Volunteer Tourism: Volunteer Raleigh International. Raleigh International expeditions are open to “volunteer tourism”, aged 17 to 25, from the UK and abroad. In this expedition, all volunteers will be contribute to long term environmental activity, community project such as conservation effort, living with community in least developed rural areas whilst installing gravity water feed system. As a registered charity, Raleigh International is dependent on fundraising activities and asks all volunteer to contribute towards the charity work and expenses. The objective of this study is to conduct survey analysis of volunteers’ motivational priorities, to measure volunteers’ satisfaction at the Raleigh International expedition, and to define the impact to the local community cause of volunteer tourism activities.

The result indicate that there are five motives priorities of volunteerism from 14 motives that listed in the questionnaire were “to contribute something good” (19.5%), followed by “to learn something new” (18.5%), “to do something different from ordinary job” (15.9%), “socializing with community” (15.2%), and “for fun” (9.1%). Investigation on their satisfaction levels show the highest mean of satisfaction are “overall experience” and “training / orientation” follow by “management’s performance”, “team performance” and “personal accomplishment”. Research Findings from the local community at Kampung Paus and Kampung Miruru, Ranau Sabah, found that there are only positive impacts from the volunteer Raleigh International activity, which are “facilities improvement”, “introduction of their village to other people” and “increase local community income from the Raleigh International activity”. In general, these findings should be able to provide support to government and others organization towards the sustainable tourism development, help to increase the tourist arrival to Malaysia and at the same time reduce the negative impact cause by tourism activity.

ISI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
I	PENGENALAN	
1.1	Pengenalan	1-2
1.2	Pernyataan Masalah	2-3
1.3	Objektif Kajian	3
1.4	Persoalan Kajian	3
1.5	Skop Kajian	4-5
1.6	Pendekatan Penyelidikan	6-8
1.6.1	Peringkat I – Kajian Awal	6
1.6.2	Peringkat II – Kajian Teoritikal	6
1.6.3	Peringkat III – Kajian Lapangan dan Pengumpulan Maklumat	7
1.6.4	Peringkat IV – Analisis Data	8
1.6.5	Peringkat V – Hasil Penemuan	8
1.7	Kaedah dan Instrumen Penyelidikan	10-11
1.7.1	Kaedah Kajian	10
1.7.2	Pembentukan Borang Soal Selidik	10
1.7.3	Instrumen Kajian	11
1.8	Tempoh Kajian Lapangan	11
1.9	Kawasan Kajian	12
1.8.1	Daerah Ranau	12-15
1.8.2	Kampung Paus	16
1.8.3	Kampung Miruru	17
1.10	Kepentingan Penyelidikan	18
1.11	Rumusan	18

II	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	19
2.2	Sukarelawan	19-21
2.3	Pelancongan	21-22
2.4	Sukarelawan Pelancong	22-23
2.5	Pembangunan Pelancongan Mampan	23-24
2.6	Tipologi Pelancong	25
2.7	Motivasi Sukarelawan Pelancong	26-28
2.8	Kepuasan Sukarelawan Pelancong	28-29
2.9	Kesan Pelancongan	29-30
2.10	Kesimpulan	31
III	RALEIGH INTERNATIONAL	
3.1	Pengenalan	32
3.2	Latar belakang Raleigh International	32-33
3.2.1	Empat Cabaran Raleigh International	34-35
3.3	Raleigh Internatioanl di Malaysia	35-36
3.3.1	Raleigh International di KL	37
3.3.2	Fasa Alam Sekitar	38
3.3.3	Fasa Komuniti	38-39
3.3.4	Fasa Kembara	39-43
3.3.5	Partnership Raleigh International di Sabah	43-45
3.4	Rumusan	45

IV	ANALISIS KAJIAN	
	4.1 Pengenalan	46
	4.2 Sampel	46-47
	4.3 Profil	48
	4.3.1 Profil Demografik	49
	4.3.2 Tempat Asal	49-50
	4.3.3 Jantina	50
	4.3.4 Umur	50-51
	4.3.5 Taraf Pendidikan	51
	4.3.6 Pekerjaan	52
	4.3.7 Ke kerap an menjadi sukarelawan sebelum terlibat dalam ekspedisi	52
	4.4 Faktor Motivasi Sukarelawan Pelancong	53
	4.5 Tahap Kepuasan	54-55
	4.6 Komen dan Cadangan Dari Responden	55
	4.7 Kesan aktiviti Sukarelawan Pelancong Kepada Komuniti Tempatan	59
	4.7.1 Meningkatkan Kemudahan di Destinasi	60
	4.7.2 Memperkenalkan destinasi	61
	4.7.3 Menambah Pendapatan Komuniti Tempatan	62
	4.8 Rumusan	63
V	RUMUSAN PENEMUAN KAJIAN	
	5.1 Pengenalan	64
	5.2 Faktor Motivasi Mengikut Populariti	65-67
	5.3 Tahap Kepuasan Sukarelawan Pelancong	67
	5.4 Kesan Kepada Komuniti Tempatan	68-69
	5.5 Kesimpulan	71-72
	5.6 Kekangan Kajian	73

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

VolunTourism (VT) memberi sumbangan kepada pembangunan mampan, yang mana sukarelawan pelancong membantu pembangunan komuniti, disamping memelihara budaya, flora dan fauna di destinasi yang mereka lawati (Wearing, 2001). *VolunTourism(VT)* di Malaysia merupakan satu trend yang baru, dan hanya terdapat sebuah organisasi yang telah dikenalpasti aktif membuat projek *VolunTourism* iaitu Raleigh International. Raleigh International ini berasal dari United Kingdom (UK) di mana pada mulanya dikenali sebagai *Operation Raleigh* dan bertujuan membangunkan golongan belia dengan menjadikan mereka lebih berguna, pemuliharaan alam sekitar untuk jangka masa panjang serta termasuk projek komuniti. Raleigh International membuat ekspedisi di serata dunia seperti Chile, Rosta Rica, Ghana, Namibia, Monggolia, Zimbabwe, Thailand, Singapore dan Malaysia. Ekspedisi dalam Raleigh International terbahagi kepada 3 fasa iaitu kembara, komuniti dan persekitaran yang mana mengambil masa sekurang-kurangnya 3 minggu.

Sukarelawan pelancong yang terlibat dalam ekspedisi Raleigh International tidak memerlukan kelayakan yang khusus, pengalaman mahupun kebolehan tetapi cukup sekadar mempunyai semangat yang tinggi dalam menghadapi cabaran ketika ekspedisi. Sukarelawan Raleigh International ini biasanya terdiri daripada pelbagai latar belakang iaitu pelajar, mahasiswa, *host-country volunteers* dan golongan belia dari serata dunia yang berumur antara 17-25 tahun. Bagi sukarelawan yang berumur 25 tahun ke atas boleh

menjadi staf Raleigh International sewaktu ekspedisi dalam menguruskan para peserta. Raleigh International juga menyediakan latihan kepada individu yang ingin memperbaiki kelemahan dan membina keyakinan diri sebelum menyertai ekspedisi.

1.1 PERNYATAAN MASALAH

Perancangan pelancongan biasanya dibuat tanpa penglibatan penduduk tempatan di tempat yang hendak dibangunkan. Kebanyakan projek pelancongan disediakan oleh mereka yang profesional dan pengurus tanpa input daripada penduduk tempatan di destinasi tersebut. Apabila projek ini dibuat tanpa input daripada komuniti tempatan, mereka biasanya akan gagal mendapat sokongan daripada penduduk tempatan kerana mereka tidak memenuhi keperluan komuniti. Tambahan lagi, kebanyakan kumpulan sosial dalam komuniti tempatan akan berasa tidak berguna dan kecewa kerana mereka tidak pasti bagaimana hendak menyatakan kebimbangan dalam proses pembangunan tersebut (Wearing, 2005). Oleh itu, dalam perancangan pelancongan perlu melibatkan komuniti tempatan supaya dapat menyumbangkan kepada pembangunan mampan (Wood dan Judikis, 2001). Ini dapat mengelakkan konflik antara penduduk tempatan dan pihak kerajaan dalam membangunkan aktiviti pelancongan seperti isu yang telah berlaku di Pulau Duyong akibat daripada acara “Monsoon Cup”.

Setiap tahun Kementerian Pelancongan Malaysia menetapkan sasaran pelancong yang datang ke Malaysia. Penetapan sasaran ini bertujuan untuk meningkatkan kedatangan pelancong ke Malaysia pada setiap tahun kerana ia merupakan antara penyumbang ekonomi utama di Malaysia. Menurut Menteri Pelancongan Malaysia, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dalam akhbar *New Straits Times* pada 24 Februari 2007;

“We managed to achieve our target of 17.5 million. We crossed the figure registering 17,546,863 tourists, even though we had to deal with problems with taxis, immigration, and tourist accused of khalwat.”

“...*Tourist Malaysia is targeting an average monthly arrival of 1.675, up from 1.462 in 2006. The total 20.1 million tourists are expected to spend up to RM44.5 billion during their stay here.*”

Ini menunjukkan kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kedatangan pelancong ke Malaysia di samping hendak mengatasi kesan negatif daripada aktiviti pelancongan di sesebuah destinasi.

Terdapat banyak kajian dan aktiviti yang telah dibuat mengenai *VolunTourism(VT)* di luar negara seperti di Thailand, tetapi isu ini masih baru dan kurang kajian mengenainya dalam konteks Malaysia. Faktor motivasi dan kesan sukarelawan pelancong penting untuk dikaji dan difahami agar *VolunTourism* ini dapat diketengahkan sebagai aktiviti pelancongan di Malaysia.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti motivasi utama sukarelawan pelancong, mengukur tahap kepuasan sukarelawan pelancong terhadap penglibatan mereka dalam ekspedisi *VolunTourism*, mengkaji kesan kepada komuniti tempatan akibat daripada aktiviti sukarelawan pelancong ini.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan menyelidiki;

- Apakah motivasi utama sukarelawan pelancong melibatkan diri dalam ekspedisi Raleigh International?
- Bagaimanakah tahap kepuasan sukarelawan pelancong terhadap ekspedisi Raleigh International?
- Apakah kesan aktiviti sukarelawan pelancong di destinasi kepada komuniti tempatan?

1.4 SKOP KAJIAN

Berdasarkan objektif di atas, skop kajian akan tertumpu kepada:

- a) Memahami dan membuat kajian literatur berkaitan dengan *VolunTourism*, ciri-ciri permintaan dan kesan aktiviti sukarelawan pelancong.

Aspek yang dikaji adalah :

- Mengkaji aspek yang berkaitan dengan konsep, ciri- ciri dan senario perkembangan semasa yang melibatkan *VolunTourism*.
- Melihat dan memahami antara bentuk permintaan pelancongan yang terdiri daripada motivasi, dan tahap kepuasan sukarelawan pelancong.
- Memahami kesan aktiviti pelancongan kepada sesebuah destinasi.

- b) Mengkaji faktor motivasi utama sukarelawan pelancong Raleigh International. Sebanyak 14 faktor motivasi yang diambil dalam kajian bagi mengenalpasti faktor motivasi yang paling utama dalam mempengaruhi sukarelawan pelancong ini. Faktor motivasi tersebut adalah:

- Menyumbang kepada sesuatu yang baik (*Contribute something good*)

- Untuk mempelajari sesuatu yang baru (*To learn something new*)
- Untuk membuat sesuatu yang berbeza daripada rutin harian (*To do something different from ordinary job*)
- Bersosial dengan komuniti (*Socializing with community*)
- Untuk keseronokkan (*For fun*)
- Untuk membantu kawan atau saudara (*To help friends or relatives*)
- Untuk berkongsi kemahiran (*To share skills*)
- Untuk merasa diperlukan (*To feel needed*)
- Untuk kepuasan peribadi (*Satisfaction from accomplishment*)
- Untuk menjadi sebahagian daripada pasukan (*To be a part of the team*)
- Untuk mendapatkan kemahiran kepimpinan (*To gain leadership skills*)
- Untuk mendapatkan pengiktirafan (*For recognition*)
- Untuk mensibukkan diri / melarikan diri (*To keep busy . escape*)
- Lain- lain faktor (*Others*)

c) Mengkaji tahap kepuasan sukarelawan pelancong yang terlibat dalam ekspedisi Raleigh International.

Tahap kepuasan ini akan dinilai dari segi :

- Kepuasan dalam pencapaian peribadi
- Kepuasan dalam bekerjasama dengan ahli kumpulan
- Kepuasan dalam bekerjasama dengan pihak pengurusan
- Kepuasan menyeluruh pengalaman sukarelawan pelancong
- Kepuasan terhadap latihan dan orientasi yang diberikan.

d) Menghasilkan penemuan kajian yang boleh digunapakai dalam memperkembangkan *VolunTourism* di Malaysia.

Hasil kajian akan mengenalpasti *VolunTourism* dapat dijadikan trend pelancongan yang menyumbang kepada pelancongan mampan dan meningkatkan kedatangan pelancong ke Malaysia.

1.5 PENDEKATAN PENYELIDIKAN

Rangka penyelidikan menjadi panduan utama kepada pengkaji dalam menjalankan kajian agar penyelidikan dapat dijalankan seperti yang dirancang. Rangka kerja kajian terdiri daripada 5 peringkat iaitu seperti yang berikut:

- I. Peringkat 1 : Kajian Awal
- II. Peringkat 2 : Kajian Teoritikal
- III. Peringkat 3 : Kajian Lapangan dan Pengumpulan Maklumat
- IV. Peringkat 4 : Analisis Data
- V. Peringkat 5 : Hasil Penemuan Kajian dan Rumusan

1.5.1 Peringkat 1 : Kajian Awal

Pada peringkat ini, pembentukan objektif akan di tentukan berdasarkan isu dan masalah yang telah dikenal pasti. Skop kajian akan dirangka agar penyelidikan dapat dijalankan seperti mana yang telah dirancang. Dalam bahagian ini kajian ringkas literatur turut dijalankan.

1.5.2 Peringkat 2 : Kajian Teoretikal Dan Literatur

Kajian pada peringkat ini lebih merupakan kepada pemahaman mengenai bidang kajian melalui pembacaan dan rujukan bahan – bahan ilmiah yang dapat membantu dalam menjalankan analisis. Bahan bacaan yang dirujuk adalah buku – buku rujukan,

jurnal-jurnal, keratan akhbar, majalah – majalah, laporan kajian terdahulu, dan laman web yang berkaitan.

1.5.3 Peringkat 3 : Kajian Lapangan Dan Pengumpulan Maklumat

Pada peringkat ini maklumat yang diperolehi akan difokuskan kepada kaedah yang berikut:

- I. Temubual separuh berstruktur : Pengkaji menyediakan beberapa soalan yang perlu dijawab oleh Presiden Raleigh International Kuala Lumpur dan rakan kongsi projek Raleigh International di Ranau. Selain itu, pengkaji juga akan menemubual penduduk kampung di Ranau iaitu Kampung Miruru dan Kampung Paus bagi mengenalpasti kesan aktiviti sukarelawan pelancong ini kepada komuniti tempatan. Temubual ini dijalankan secara informal untuk mendapatkan jawapan, penjelasan, dan maklumat – maklumat tambahan yang lebih lanjut berkaitan dengan program, perkembangan serta pandangan mereka dalam sukarelawan pelancongan ini.
- II. Menjalankan kajian soal-selidik sukarelawan pelancong: Kajian ini dijalankan terhadap responden yang pernah menjadi sukarelawan pelancong Raleigh International. Soalan kaji selidik ini akan diedarkan melalui dua cara iaitu secara bersemuka dan menggunakan orang perantaraan. Orang perantaraan yang membantu dalam mengedarkan soalan kaji selidik ini adalah Encik Loh Shih Chung (Presiden Raleigh International Kuala Lumpur) dan Encik Shamsul Bastri (Rakan kongsi projek Raleigh International di Ranau).
- III. Pengumpulan data sekunder : Data ini diambil dari organisasi Raleigh International Kuala Lumpur bagi memperkemaskan lagi data setelah menyemak kekurangan bahan pada pengumpulan data semasa peringkat kedua sebelumnya.


1.5.4 Peringkat 4: Analisis Data

Segala maklumat dan data yang dapat dikumpul akan dianalisis dengan menggunakan teknik dan kaedah bersesuaian. Data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik (pengekodan) melalui penggunaan teknik *frekuensi*. Di sini pengkaji akan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package For The Social Sciences*) dalam menganalisis data-data tersebut. Bagi soalan temubual pula data akan dianalisis secara manual iaitu dalam bentuk perihalan mengikut tema-tema dan aspek-aspek yang dikehendaki. Dalam mendapatkan tema, proses analisis data dilakukan berselang-seli dengan proses pengumpulan data.

1.5.5 Peringkat 5 : Hasil Penemuan Kajian

Penemuan kajian adalah merangkumi semua aspek yang telah dianalisis seperti profil pelancong, motivasi pelancong, kepuasan pelancong. Di bahagian ini juga akan mengeluarkan hasil temubual bersama dengan penduduk kampung yang mana dapat mengenalpasti kesan aktiviti sukarelawan pelancong di destinasi tempat ekspedisi dijalankan. .

Rajah 1.0 : Carta Alir Kajian



Sumber: Olahan pengkaji 2008

1.6 KAEDAH DAN INSTRUMEN PENYELIDIKAN

1.6.1 Kaedah Kajian

Tujuan soalan kaji selidik dibuat adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai faktor demografi, motivasi dan kepuasan diri sukarelawan pelancong berdasarkan pengalaman mereka. Pendekatan kuantitatif memberi faedah kepada kajian di mana ia dapat menghasilkan satu penemuan yang *valid* dan *reliable*. Selain itu, soalan kaji selidik dibuat berdasarkan kajian – kajian yang terdahulu oleh golongan cerdik pandai seperti Maslow (1943), dan Wearing (2001). Kandungan soalan kaji selidik ini adalah kombinasi kajian – kajian golongan tersebut, yang mana mencapai ketepatan dalam mengukur konsep tersebut. Kaedah ini dapat mengurangkan kos dan masa, serta dengan penganalisan data dengan menggunakan komputer. Seterusnya data dapat diinterpretasi dengan mudah dan tepat.

Soalan bagi temubual pula dibuat bagi mengkaji kesan – kesan aktiviti sukarelawan pelancong kepada komuniti tempatan. Soalan ini akan dianalisis mengikut tema. Tema yang wujud berulang-kali akan dijadikan kategori. Sepanjang proses pengumpulan dan analisis data, tema-tema tersebut diperkemas lagi.

1.6.2 Pembentukan Borang Soal – Selidik

Teknik *'open ended'* dan *'closed ended'* akan digunakan. Teknik *'open ended'* digunakan untuk mendapatkan pandangan dan pendapat responden, manakala teknik *'closed ended'* disediakan bagi memudahkan responden membuat pilihan jawapan yang tepat. Format borang soal selidik dibahagikan kepada 3 bahagian, kandungan setiap bahagian dibuat untuk mencapai objektif kajian ini. Bahagiannya adalah seperti berikut:

- Bahagian 1: Latar belakang demografi sukarelawan pelancong
- Bahagian 2 : Faktor motivasi mengikut keutamaan sukarelawan pelancong
- Bahagian 3 : Tahap kepuasan sukarelawan pelancong

1.6.3 Instrumen Kajian

Kajian yang dijalankan dengan menggunakan teknik “pertemuan bersemuka” dan “pertemuan tidak bersemuka”. Pertemuan bersemuka adalah cara yang digunakan untuk temubual tidak berstruktur yang mana pengkaji akan menemubual beberapa orang penduduk kampung di Kampung Miruru dan Kampung Paus di Ranau, Sabah.

Bagi soalan kaji selidik, di buat dengan tiga cara iaitu diberi kepada responden melalui email, menggunakan orang perantaraan dan bersemuka. Soalan kaji selidik bersemuka diberi kepada responden yang tinggal di Kota Kinabalu dan Ranau sewaktu pengkaji pergi ke kawasan kajian. Manakala orang perantaraan pula adalah melalui bantuan Encik Loh Shih Chung (Presiden Raleigh International Kuala Lumpur) dan Encik Shamsul Bastri (Projek Partner Raleigh International di Sabah). Encik Shamsul Bastri telah mengagihkan soalan kaji selidik kepada responden yang tinggal di Sabah dan menghantar soalan kaji selidik yang telah dijawab melalui pos kepada pengkaji. Manakala Encik Loh Shih Chung memberi soalan kaji selidik kepada responden yang terdapat di Kuala Lumpur sewaktu perjumpaan bulanan Raleigh International dan melalui email kepada responden luar negara.

1.7 TEMPOH KAJIAN LAPANGAN

Berdasarkan halangan masa dan skop kajian, kajian lapangan akan dijalankan selama 5 hari di Sabah untuk bertemu dengan komuniti tempatan di Ranau iaitu di Kampung Miruru dan Kampung Paus. Pengkaji bermalam di Kampung Paus satu malam kerana jarak perjalanan dari destinasi ke destinasi kawasan kajian agak jauh. Tarikh kajian lapangan ini dibuat bermula pada 23 April sehingga 25 April 2008. Pengkaji juga akan pergi ke Kuala Lumpur sekali dalam sebulan iaitu bermula bulan Februari hingga bulan April untuk bertemu dengan Presiden Raleigh International bagi mendapatkan

maklumat dan data yang lengkap serta mengutip soalan kaji selidik yang telah di jawab oleh responden yang berada di Kuala Lumpur.

1.8 KAWASAN KAJIAN

1.8.1 Daerah Ranau

Ranau berasal dari perkataan 'RANAHON' yang membawa maksud kawasan sawah padi. Biasanya masyarakat Kadazan dusun di Daerah Ranau mengusahakan tanaman padi huma atau padi bukit memandangkan bentuk muka buminya yang berbukit-bukau. Tetapi bagi mereka yang tinggal di Lembah Ranau, mereka mengusahakan tanaman padi sawah atau dalam bahasa tempatan 'RANAHON'. Panggilan singkat 'RANAHON' ialah Ranau. Kebetulan kawasan ini telah membangun sebagai pusat pentadbiran daerah dan nama Ranau telah diambil sebagai pengenalan Daerah Ranau.

Daerah Ranau terletak di antara garisan lintang (Latitude) $5^{\circ} 30' U$ dan $6^{\circ} 25' U$ dan garisan bujur (Longitude) $116^{\circ} 30'$ dan $117^{\circ} 5' T$ dan dikelilingi oleh 7 buah daerah lain iaitu Tuaran, Kota Belud, Tambunan, Keningau, Kinabatangan dan Beluran sebelum menjadi sebuah daerah penuh pada awal tahun 1960-an. Ranau pernah menjadi Daerah Kecil Daerah Tambunan dan Kota Belud.

Rajah 1.1: Peta Sabah



Keluasan Daerah Ranau pada masa ini ialah 294,224 hektar atau 1978.5km persegi. Walaubagaimanapun, apabila perubahan persempadanan baru yang melibatkan Daerah Tambunan dan Beluran diluluskan, maka luas Daerah Ranau akan bertambah kepada 3555.9 km persegi. Jumlah penduduk (seperti pada 1.12.1998): 49,751 orang (Banci 1991) dan anggaran jumlah penduduk bagi tahun 1998 ialah 55,000.00.

Daerah Ranau mempunyai 11 Mukim dengan sejumlah 184 kampung keseluruhannya seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah. Kawasan kajian yang dipilih adalah dua kampung iaitu Kampung Paus di Mukim Paus dan Kampung Miruru yang terletak di Mukim Paginatan. Pemilihan kawasan kajian di daerah Ranau ini adalah berdasarkan kepada kekerapan projek Raleigh International di Ranau antara tahun 2005 – 2007 berbanding dengan kawasan di daerah lain. Terdapat 5 projek fasa komuniti yang telah dilakukan oleh sukarelawan pelancong Raleigh International di daerah ini iaitu memperbaiki dan mengadakan sistem bekalan air (Kampung Sesondonton, Kampung Miruru, Kampung Paus, dan Kampung Linapasan, Kampung Mohimboyan), pembinaan klinik (Kampung Paka Satu), serta pembinaan tadika (Kampung Paus). Antara kampung-kampung tersebut, kampung Paus dan kampung Miruru dipilih sebagai tempat kajian kerana terdapat projek yang baru dibuat pada tahun lepas (2007) di kampung ini iaitu pembinaan tadika, memperbaiki dan mengadakan sistem bekalan air. Selain itu, kajian menfokuskan kepada kedua kampung ini berbanding dengan kampung dan daerah lain disebabkan halangan dari segi faktor kos, masa dan kesukaran untuk akses ke kawasan projek.



Jadual 1.0 : Senarai Mukim dan Kampung di Daerah Ranau.

Mukim Randagong	Mukim Liwagu	Mukim Nalapak	Mukim Karanaan	Mukim Tagudan	Mukim Paus	Mukim Paginatan
1. Bayag	1. Ranau bandar	1. Matan	1. Karanaan	1. Kibbas	1. Bitoon	1. Nunuk
2. Poropot	2. Lingkudau	2. Sedul II	2. Kemburongoh	2. Tambiau	2. Tinanom	Ragang
3. Mumpait	3. Paka II	3. Silou	3. Maukab	3. Toboh Baru	3. Kigiwit	2. Tampios
4. Suminimpod	4. Mihibbah	4. Nalapak	4. Sasondoton	4. Waang	4. Panalunga	3. Miruru
5. Tiang Lama	5. Tiang Baru	5. Kigiok / Solong	5. Tudan	5. Mohimboyon	-n	4. Mentapok
6. Tungou	6. Kimolohing	6. Sagindai	6. Piasau	6. Paka I	5. Paus	5. Toupos
7. Longut		7. Kintuntul	7. Toboh Lama	7. Lipasu Lama	6. Kadop	6. Mengkadait
8. Gana-gana		8. Nabutan	8. Sumalang	8. Lipasu Baru	7. Pinangkat- an	7. Belisok
9. Gaur		9. Kintutul Baru		9. Himbaan		8. Lungkida-u
10. Randagong		10. Luanti Baru		10. Ratau		9. Paginatan
11. Kapagian		11. Muruk		11. Tinatasan		10. Matupan-g
12. Niasan		12. Kebu Baru		12. Kiwawoi		11. Bunakan
13. Nampasan Lama		13. Togoyog / Lipai		13. Terlobou		12. Maringka-n
14. Kinarasan		14. Rugading		14. Pahu		
15. Kitaie		15. Kinapulidan		15. Tagudan		
16. Lagkau		16. Badukan				
17. Kasingan		17. Kandawayon				
		18. Mindahuan				

***Sumber: Majlis Daerah Ranau**

Jadual 1.1: Senarai Mukim dan Kampung di Daerah Ranau.

Mukim Kundasang / B. Tuhan	Mukim Timbua	Mukim Bangkud	Mukim Lohan	Mukim Malinsou
1. Kundasang Lama	1. Manggis	1. Nalumad	1. Lohan 1	1. Tanid
2. Lembah Permai	2. Turuntongan	2. Takutan	2. Lohan 2	2. Malinsou
3. Cinta Mata	3. Pinawantai	3. Napong 1	3. Lohan Ulu	3. Sumbilingan
4. Sinisian	4. Togop Darat	4. Napong 2	4. Keranaan baru	4. Mangkapoh
5. Kauluan	5. Togop Laut	5. Togis	5. Kinaratuan	5. Makadou
6. Dumpiring	6. Tibabar	6. Perancangann 1	6. Kilimu	6. Mansalu
7. Kinasarabann	7. Daramakan	7. Perancangann 2	7. Libang	7. Meridi
8. Tawo-Tawo	8. Keiyep	8. Lutut	9. Minihas	8. Agan
9. Sokid B.Tuhan	9. Tarawas	9. Waluhu	10. Marakau	9. Karagasan
10. Naradau	10. Tinutuan	10. Langsat	11. Tagudan baru	10. Kiwakau
11. Ruhukan	11. Marungin I	11. Namaus Bangkud	12. Poring	11. Pinitudaan
12. Pinausok	12. Marungin II	12. Narawang	13. Tudangan	12. Patu U. Sugut
13. Hamad, B.Tuhan	13. Pahu	13. Bangkud	14. Silad	13. Tinaum
14. Gondohon, B.Tuhan	14. Lobou	14. Kilanas Baru	15. Randaggon g Baru	14. Tanid
15. Kinasarabann Lama	15. Timbua	15. Kirokot	16. Simpang Poring	15. Girin
	16. Tumalang		17. Sinarut	16. Kiwayan
	17. Lobou Baru		18. Kokob Baru	17. Kilanas
	18. Lobou Lama		19. Kinasarabann Baru	18. Namaus U. Sugut
	19. Pinampadann		20. Nampasan Baru	19. Pahu U. Sugut
			21. Tanah Merah	20. Wayon
			22. Sedul 1	21. Gusi
			23. Bahab	22. Linapasan
				23. Tinigian
				24. Malinsou
				25. Kaingaran

***Sumber: Majlis Daerah Ranau**

1.8.2 Kampung Paus

Kampung Paus adalah merupakan kampung komuniti kecil yang mana penduduknya dalam lingkungan 400-600 orang sahaja. Kampung ini terletak di Sungai Kegibangan iaitu di pertengahan laluan antara Telupid dan Ranau. Masyarakat di kampung ini, membuat pertanian sara diri dan penorehan getah bagi menyara kehidupan mereka. Majoriti penduduk di sini terdiri daripada etnik Kadazan Dusun dan beragama kristian. Pada awal tahun 2006 projek Raleigh telah mengambil masa selama 3 minggu bersama dengan komuniti bagi membantu mereka memperbaiki sistem bekalan air, dalam memastikan penduduk kampung mendapat bekalan air yang bersih.


Sebelum Raleigh International membuat projek pembinaan tadika di kampung ini, hanya terdapat sebuah sekolah rendah dan tidak mempunyai pra-sekolah. Justeru atas permintaan penduduk kampung dalam mendapatkan pendidikan yang sempurna untuk kanak-kanak pra sekolah, dicadangkan membina satu bangunan bagi komuniti prasekolah yang kecil dan bekerja dengan 'PACOS Trust' sebagai guru tadika tersebut. Guru tadika diambil di kalangan komuniti tempatan dan diberi latihan.



1.8.3 Kampung Miruru

Kebanyakan kampung-kampung di Ranau mengalami masalah bekalan air. Penduduk di kampung yang jauh terpencil dari bandar tidak mendapat bekalan air seperti penduduk di bandar. Mereka hanya bergantung kepada air hujan yang di tadah dalam tangki besar atau mengambil air sungai yang kadang kala keruh akibat daripada pencemaran. Masalah ini turut dialami oleh Kampung Miruru. Kampung Miruru terletak dalam daerah Ranau dan 30 km dari pekan Telupid serta dua jam perjalanan dari pekan Ranau.

Penduduk Kampung Miruru majoritinya menyara hidup dengan pertanian sara diri di mana mereka bekerja sebagai penoreh getah atau penanam padi. Penduduk kampung lebih kurang seramai 600 orang penduduk dan ke semuanya beragama kristian. Dengan kerjasama Raleigh International, wakil parlimen, komuniti tempatan dan Coca Cola sebagai penaja dalam membantu membina satu sistem graviti bekalan air kepada penduduk kampung di sini. Dari segi teknikal dan logistik, rancangan memasang satu sistem baru yang lengkap kepada suatu sumber air yang jauhnya 6km adalah amat mencabar. Sepanjang keseluruhan proses masyarakat tempatan amat membantu sukarelawan Raleigh International dalam membina sistem graviti bekalan air di kampung mereka.



1.9 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN

Maklumat motivasi pelancong adalah sangat penting dalam kajian pelancongan bukan sahaja dapat menentukan permintaan sebenar pelancongan bahkan dapat memahami dengan lebih dekat pilihan-pilihan, keutamaan dan keperluan sukarelawan pelancong yang dipengaruhi faktor psikologi serta tahap kepuasan mereka dalam menyertai projek-projek sebegini. Kajian ini juga penting bagi mengetahui sejauh mana kesan yang diterima oleh komuniti tempatan dalam menerima trend baru dalam pelancongan iaitu sukarelawan pelancong. Ini disebabkan trend sukarelawan pelancong berpotensi untuk diketengahkan sebagai salah satu aktiviti pelancongan yang menyumbang kepada pembangunan mampan serta mengurangkan kesan negatif di destinasi.

1.10 RUMUSAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk campuran kuantitatif dan kualitatif dalam mencapai objektif dengan berkesan. Penyelidikan ini dibuat untuk mengkaji motivasi utama sukarelawan pelancong bagi meningkatkan lagi trend pelancongan sebegini pada masa akan datang. Ini disebabkan ianya bukan sahaja dapat meningkatkan ekonomi negara dengan melancong, malah turut menyumbang faedah kepada komuniti tempatan dan pemuliharaan alam sekitar. Di harap kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada

pihak Kementerian Pelancongan dalam membangunkan produk-produk pelancongan dan meningkatkan kedatangan pelancong disamping mengurangkan kesan negatif yang diterima di destinasi akibat daripada aktiviti pelancongan.

BAB 2



KAJIAN LITERATUR

BIBLIOGRAFI

- Correia A., Valle P.O.D, Moco C. (2007) 'Modeling motivations and perceptions of Portuguese tourist', *Journal of Business Research*, 60:76-80.
- Coffey.G.C.J., (1997) 'Trends in volunteerism', *Journal of Managing Library Finance*, 10:60-64.
- Chi C.G.Q., Qu H., (2007) ' Examining the structural relationships of destination image, tourist satisfaction and destination loyalty: an integrated approach', *Journal Tourism Management*, 8:286-290
- Carlo G., Okun M.A, Knight P.G., Guzman.M.R.T. (2005) 'The interplay of traits and motives on volunteering: agreeableness, extraversion and prosocial value motivation', *Journal of Personality and Individual Differences*, 38:1293 – 1305.
- 'Gift of Water: Yam Phui Yee witnessed a concerted effort by youth to bring hope to the communities in rural Sabah'. *News paper: The Star*, Date 26 August 2006.
- Goeldner.C.R., Ritchie.J.R.B., (2003) '*Tourism Principles, Practices, Philosophies-Ninth Edition*', John Wiley & Sons,Inc, United States of America.
- Geroy.G.,Wright.P.C.,Jacobson.L.,(2000) 'Toward a conceptual framework of employee volunteerism:an aid for the human resource manager', *Journal of Management Decision*, 38:280-286.
- Ganesan.V., 'Tourist Arrivals in 2006 Hit Record High', *News Paper:New Straits Times*, Date 24 February 2007.
- Hwang S.N., Lee C., Chen H.J., (2005) 'The relationship among tourists' involvement, place attachment and interpretation satisfaction in Taiwan's national parks', *Journal of Tourism Management*, 26:143-156
- Hui T.K., Wan D., Ho A., (2007) 'Tourists' satisfaction, recommendation and revisiting Singapore', *Journal of Tourism Management*, 28:965-975.
- Jones A.A., (2000) 'Volunteer services for vulnerable families and at-risk elderly', *Journal of Child Abuse & Neglect*, 24:141-148
- Jang.,S.C., Feng.R., (2007) 'Temporal destination revisit intention: The effects of novelty seeking and satisfaction', *Journal of Tourism Management*,28:580-590.

- 'Kindie gives hope to remote village', *News paper: The Stars – Education School*, Date 30 April 2006 pg 22.
- Karkatsoulis.P., Michalopoulos.N.,Moustakatou.V., (2005) 'The national identity as a motivational factor for better performance in the public sector', *International Journal of Productivity and Performance Management*, 54:579-594.
- 'Largest Raleigh Expedition', *News Paper: Daily Express*, Date 8 March 2007 online at <http://www.dailyexpress.com.my>
- Peterson.D.K. (2004) 'Benefits of participation in corporate volunteer programs:employees' perceptions', *Journal of Personnel Review*,33:615-627.
- Parmley.W.W., (2004) ' The power of volunteerism', *Journal of the American College of Cardiology*, 43:1101-1102.
- 'Projects:First kindergarten brings hope', *News paper: New Straits Times Online*, Date 10 June 2006.
- Raymond.E.M., (2007) 'Volunteer Tourism in New Zealand: The role of sending organizations in ensuring that volunteer tourism programmes 'make a difference'', *Ministry of Tourism Industry Report*, Department of Tourism, University of Otago, New Zealand.
- Swanson.K.K, Horridge.P.E., (2006) 'Travel motivations as souvenir purchase indicators', *Journal of Tourism Management*, 27:671-683.
- Sinclair. C., Dowson. M., Martin.J.T., (2006) 'Motivations and profiles of cooperating teachers:who volunteers and why?', *Journal Teaching and Teaching Education*, 22:263-279.
- Shin. S., Kleiner.B.H., (2003), 'How to manage unpaid volunteers in organisations', *Journal of Management Research*, 26:2-4
- 'Sole Asian Destination', *News paper: The Star Online*, Date 4 September 2007
- Timothy.D.J., Boyd.S.W., (2003) '*Heritage Tourism*', Prentice Hall, China.
- Weaver.D., (2006) '*Sustainable Tourism*', Elsevier Butterworth-Heinemann , Great Britain.

- Yoon Y., Uysal M. (2005) 'An examination of the effects of motivation and satisfaction on destination loyalty: a structural model', *Journal of Tourism Management*, 26:45-56.
- Wearing.S.,(2005) 'Voluntourism & Community Development' , online at <http://www.voluntourism.org>
- 'Young People Volunteering', Journal NACP, online at <http://www.enxnotts.co.uk>
- 'Voluntourism:volunteering while holidaying' (2007) online at <http://dancewithshadows.com/travel/voluntourism.asp>
- Wearing.S., (2005) 'VolunTourism-Can it influence mass tourism?', online at <http://www.voluntourism.org>
- Aabo.D., 'Part 2-A Case study of adventure service tourism: Mixing Service and Adventure:Getting The Adventure Voluntourism Mixture Right!' *Study and Research* vol II, issues 4, online at <http://www.voluntourism.org>
- Aabo.D., 'Part 1-A Case study of adventure service tourism: Exploring Coffee Tourism' *Study and Research* vol II, issues 3, online at <http://www.voluntourism.org>
- Brown.S., (2005) 'Expanding the concept of volunteer vacations:The Mini-Mission, or Mission Lite Concept' online at <http://www.voluntourism.org>
- Brown.S., (2005) 'Understanding the motives and benefits of voluntourists:What makes them tick?' online at <http://www.voluntourism.org>
- McGehee.N.G., Andereck.K., 'Resident Attitudes Toward Voluntourism Part 1:Perceived Impacts of Voluntourism' *Study and Research* vol II, issues 1, online at <http://www.voluntourism.org>
- McGehee.N.G., Andereck.K., 'Resident Attitudes Toward Voluntourism Part II:Resident Perceptions Regarding Community Planning for VolunTourism' *Study and Research* vol II, issues 2, online at <http://www.voluntourism.org>
- Pezzullo.P.C., (2007) ' Voluntourism: A brief history of tourists as witnesses and advocates for justice', *Study and Research* vol III, issues 2, online at <http://www.voluntourism.org>